

23/08/1999

Subang jadi pusat servis helikopter rantau Asia

ULAN UDE (Russia), Ahad - Subang akan dijadikan pangkalan bagi cadangan usahasama Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd (AIM) dan Pusat Penerbangan Ulan Ude (UUAP) menubuhkan pusat perkhidmatan servis dan penyenggaraan helikopter bagi rantau Asia.

Presiden AIM, Leftenan Jen (B) Datuk Seri Mohd Yunus Tasi berkata, perbincangan dengan UUAP amat meyakinkan cadangan penubuhan itu hampir menjadi kenyataan.

"Setakat ini belum ada sebarang perjanjian atau memorandum ditandatangani. Bagaimanapun AIM dan UUAP sudah setuju untuk mewujudkan kerjasama perniagaan ke arah menubuhkan pusat itu.

"Jika ini menjadi kenyataan satu kawasan di Subang, Selangor akan dibangunkan pusat perkhidmatan dan penyenggaraan itu," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

AIM, syarikat induk Airod Sdn Bhd, turut serta dalam rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke republik itu dalam usaha meningkatkan kerjasama perdagangan dan meneroka peluang pelaburan baru.

AIM menerusi beberapa anak syarikatnya selain menjalankan kerja penyenggaraan pesawat tentera dan komersil juga menghasilkan kapal terbang ringan.

UUAP, yang ditubuhkan pada 1939, adalah antara pengeluar utara pesawat di Russia. Antara model yang dihasilkan, termasuk Yakolev Yak-3, Mikoyan, MiG-15, MiG-27 Kamor ka-15/18/25 dan helikopter Mi-171.

Menurut Mohd Tasi Subang dipilih sebagai lokasinya yang strategik dan juga berdekatan dengan pangkalan Airod.

Menjelaskan hasil daripada beberapa siri perbincangan dengan UUAP, Mohd Yunus berkata, perundingan selanjutnya akan menyentuh mengenai beberapa perkara penting.

"Selepas setuju mengadakan kerjasama, AIM dan UUAP akan cuba menyelesaikan soal jumlah pelaburan, pegangan ekuiti dalam usahasama itu dan juga dari segi pulangan pelaburan.

"Saya yakin menjelang Lima 99 di Langkawi, November ini semuanya dapat dibereskan," katanya.

Menurut Mohd Tasi, penyertaan AIM ini bukan untuk mengambil alih perkhidmatan yang sudah diadakan di UUAP sebaliknya sebagai sokongan kepada kerja penyenggaraan helikopter di Asia.

Katanya, sehingga ini kebanyakan daripada 100 helikopter jenis itu yang beroperasi di Asia terpaksa dihantar ke Russia bagi setiap kali penyenggaraan.

Tambah beliau, masalah bertambah rumit apabila setiap helikopter yang perlu diperbaiki di diubahsuai perlu mendapat alat ganti dari Ulan Ude.

(END)